

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah laporan yang telah diterima dan nyatakan jenis laporan tersebut sejak GST dilaksanakan pada 1 April 2015 yang lalu dan apakah tindakan diambil Kerajaan selepas menerima laporan tersebut serta apakah inisiatif diambil Kerajaan dalam meningkatkan penguatkuasaan dalam memantau keberkesanan pelaksanaan GST serta berapakah jumlah kutipan GST yang dianggarkan sehingga hujung tahun 2015 dan ke manakah ia akan disalurkan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2015, sebanyak 5,409 aduan berkaitan isu GST telah diterima oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sejak GST dilaksanakan meliputi antara lain kenaikan harga barang, pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan, kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan. JKDM melalui Jabatan Peguam Negara telah membuka 13 kertas siasatan di mana 2 dalam proses pendakwaan di bawah seksyen 33(2)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan 11 lagi dalam proses siasatan.

Bagi tempoh 1 Mei hingga 31 Mei 2015, KPDKKK telah mencatatkan sebanyak 1,317 aduan mengenai GST, manakala tempoh yang sama bagi bulan April pula telah mencatatkan lebih banyak aduan iaitu 8,243. Sehingga 31 Mei 2015, sebanyak 52 kertas siasatan telah dihasilkan di bawah AKHAP 2011 iaitu 18 kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana kesalahan mencatut, 33 kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan 1 kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod. Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei

2015 adalah seperti yang berikut:

- i. 5 kes telah selesai di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii. kes yang telah dituduh dan masih belum selesai adalah sebanyak 4 kes iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
- iii. 3 kes telah ditawarkan kompaun.

JKDM akan melaksanakan operasi secara berterusan bagi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan anggaran kutipan hasil GST bagi tahun 2015 untuk tempoh 9 bulan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015 adalah sebanyak 23.2 bilion. Anggaran ini telah dimaklumkan dalam pembentangan Bajet 2015. Namun begitu, dengan mengambil kira pemansuhan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) termasuk pakej bantuan cukai dan bukan cukai, maka hasil tambahan bersih bagi tempoh April hingga Disember 2015

dianggarkan sebanyak 690 juta ringgit. Setakat ini, jumlah keseluruhan kutipan hasil GST dari bulan April hingga Mei 2015 adalah sebanyak RM4.95 bilion.

GST merupakan hasil Kerajaan Persekutuan yang akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama hasil-hasil Kerajaan yang lain dan seterusnya akan diagihkan kepada semua Kementerian, Jabatan dan agensi bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di semua negeri. Pengagihan ini dilakukan menerusi Bajet Tahunan yang dibuat pada setiap tahun. Antara projek yang dilaksanakan ialah menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam, perumahan, pendidikan dan kesihatan serta pemberian tunai kepada golongan sasar.